

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 10 ISSUE 1 2025

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



KONSEP ‘MEÂL’ DAN SUMBANGAN ELMALILI MUHAMMED HAMDI YAZIR DALAM PENTERJEMAHAN AL-QURAN DI TURKI

The Concept of ‘Meâl’ and Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır’s
Contribution to Qur’anic Translation in Turkey

Norain Azlan^{1*}, Sedek Ariffin¹ & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff¹

¹Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding author: ainazlan78@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2025-1001-01>

Article history

Received: 05/05/2025

Revised: 04/06/2025

Accepted: 17/06/2025

Published: 30/06/2025

Abstrak

Istilah *meâl* (المآل), yang merujuk kepada terjemahan al-Qur’an berasaskan makna dan bukan secara literal, pertama kali diperkenalkan secara formal oleh Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır (1878–1942), seorang ulama akhir era Uthmaniyyah dan mufasir terkemuka awal Republik Turki, melalui karya agungnya *Hak Dini Kur’an Dili*. Namun begitu, konsep *meâl* serta sumbangan Elmalılı dalam membentuk kerangka penterjemahan al-Qur’an yang berbeza masih kurang diberikan perhatian dalam wacana ilmiah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep *meâl* dalam konteks penterjemahan al-Qur’an di Turki dan menilai sumbangan metodologi Elmalılı dalam penghasilan *Hak Dini Kur’an Dili*. Menggunakan pendekatan historiografi dan analisis kandungan kualitatif, kajian ini meneliti pendekatan linguistik, prinsip penterjemahan, serta impak Elmalılı terhadap perkembangan penterjemahan al-Qur’an di Turki. Hasil kajian mendapati bahawa Elmalılı bukan sahaja memperkenalkan istilah *meâl* sebagai terjemahan yang menitikberatkan makna dan kefahaman al-Qur’an, tetapi turut membina asas metodologi tafsir moden yang menggabungkan antara tradisi dan kemodenan. Pendekatannya yang berhati-hati dan estetika bahasa yang terpelihara membuktikan keupayaannya menyesuaikan tafsiran dengan konteks zaman tanpa mengabaikan keaslian teks. Karya beliau terus dijadikan rujukan utama dalam wacana penterjemahan al-Qur’an di Turki hingga ke hari ini. Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan kedudukan Elmalılı sebagai tokoh ilmuwan yang berwibawa serta mencadangkan agar kajian perbandingan dijalankan terhadap metodologi beliau dengan mufassir lain, khususnya dari Asia Tenggara, dalam usaha memperluas wacana penterjemahan al-Qur’an di peringkat global.

Kata Kunci: Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır, *Meal*, *Hak Dini Kur’an Dili*, al-Quran terjemahan, Turki.

Abstract

The term *meâl* (المآل), which refers to the translation of the Qur'an based on meaning rather than literal rendering, was formally introduced by Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır (1878–1942), a prominent scholar of the late Ottoman period and a leading exegete during the early years of the Turkish Republic, through his seminal work *Hak Dini Kur'an Dili*. However, the conceptual understanding of *meâl* and Elmalılı's significant role in shaping a distinct framework for Qur'anic translation remains underexplored in academic discourse. This study aims to analyze the concept of *meâl* within the context of Qur'anic translation in Turkey and to evaluate Elmalılı's methodological contributions as reflected in *Hak Dini Kur'an Dili*. Employing a historiographical approach and qualitative content analysis, this study examines Elmalılı's linguistic strategy, translational principles, and his impact on the development of Qur'anic translation in Turkey. The findings reveal that Elmalılı not only introduced *meâl* as a meaning-based translation that emphasizes understanding the message of the Qur'an but also laid the foundation for a modern tafsir methodology that bridges tradition and modernity. His cautious approach and commitment to preserving linguistic aesthetics demonstrate his ability to contextualize Qur'anic interpretation without compromising textual authenticity. To this day, *Hak Dini Kur'an Dili* remains a central reference in Qur'anic translation discourse in Turkey. This study reinforces Elmalılı's position as a distinguished Islamic scholar and recommends future comparative research between his methodology and that of other exegetes, particularly from Southeast Asia, to enrich the global discourse on Qur'anic translation and interpretation.

Keywords: Elmalılı M. Hamdi Yazır, Meâl, Hak Dini Kur'an Dili, Qur'an Translation, Turkey.

PENGENALAN

Kejatuhan Kerajaan Uthmaniyyah pada tahun 1922 dan pengisytiharan Republik Turki pada 29 Oktober 1923 oleh Mustafa Kemal Atatürk (1881–1938) menandakan berakhirnya era Khilafah Islam dan bermulanya era baharu yang berteraskan sekularisme (Md.Yunus, 2021). Perubahan radikal ini memberi kesan besar terhadap struktur sosial, politik dan keagamaan di Turki, khususnya dalam usaha membentuk identiti kebangsaan yang seiring dengan pemodenan. Antara langkah signifikan ialah mempribumikan ajaran Islam melalui pendekatan nasionalisme, termasuk memperkenalkan bahasa Turki sebagai medium ibadah seperti azan, bacaan al-Qur'an, dan zikir (Wilson, 2009; Zainal, 2016). Perubahan ini telah mencetuskan perdebatan hangat dalam kalangan masyarakat, terutamanya berkaitan isu penterjemahan al-Qur'an, yang melahirkan dua aliran utama; pertama, golongan yang menyokong penterjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa Turki untuk tujuan pemahaman dan pembacaan; dan kedua, golongan yang lebih radikal yang mengusulkan agar terjemahan tersebut digunakan dalam ibadah, sekali gus menggantikan bacaan dalam bahasa Arab sepenuhnya (Atalay, 2007).

Namun, kedua-dua aliran ini tetap menyuarakan kebimbangan terhadap terjemahan tidak berautoriti yang disebarkan oleh individu seperti Cemil Said Dikel (1872–1942), yang merujuk kepada sumber Barat dan mengandungi banyak kesilapan. Terjemahan seperti ini menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat dan mencemari kesucian ayat-ayat al-Qur'an. Oleh itu, keperluan terhadap sebuah karya terjemahan yang sah, tepat dan dihasilkan oleh tokoh berautoriti semakin mendesak, sehingga mendorong campur tangan rasmi kerajaan melalui *Diyanet* (Kementerian Hal Ehwal Agama Turki) dan perbahasan di parlimen Turki (*Türkiye Büyük Millet Meclisi*, TBMM) pada tahun 1925 (Karsli, 2015; Koçyigit, 2017). Dalam perbahasan tersebut, Abdullah Azmî Efendi menegaskan bahawa penterjemahan al-Qur'an adalah isu besar yang memerlukan pembentukan satu jawatankuasa khas yang berautoriti untuk melaksanakannya (Öztürk, 1993). Di akhir sesi perbahasan itu, Mazhar Müfit Bey membangkitkan isu terjemahan al-Qur'an yang mengandungi kesilapan, lalu Ali Fethi Okyar menjawab bahawa satu-satunya jalan penyelesaian ialah dengan

menghasilkan terjemahan rasmi yang disediakan oleh jawatankuasa ilmiah (TBMM Zabıt Ceridesi, 1925).

Usul untuk menyediakan penterjemahan rasmi al-Qur'an telah diterima sebulat suara tanpa sebarang bantahan oleh semua ahli Parlimen yang hadir. Sebanyak 20,000 lira telah diluluskan sebagai peruntukan kewangan bagi melaksanakan projek ini (Cündioğlu, 1998). Sehubungan itu, Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır (1878–1942), seorang ulama dan mufassir terkemuka, telah dilantik secara rasmi oleh *Türkiye Büyük Millet Meclisi* melalui *Diyanet İşleri Riyaseti* untuk menghasilkan sebuah terjemahan dan tafsir al-Qur'an dalam bahasa Turki yang berautoriti. Dalam mukadimah karyanya yang bertajuk *Hak Dini Kur'an Dili*, Elmalılı menekankan kepentingan menghasilkan penterjemahan yang bukan sahaja tepat dari segi linguistik, tetapi juga bebas daripada pengaruh ideologi. Beliau turut mengkritik pihak-pihak yang menghasilkan terjemahan atas dasar komersial tanpa memahami secara mendalam teks asal al-Qur'an. Tegasnya, terjemahan yang disebut sebagai *meâl* merujuk kepada pemindahan makna dan maksud ayat secara kontekstual, bukan sekadar terjemahan literal (Yazır, 1971).

Tafsir *Hak Dini Kur'an Dili* walaupun tidak lahir atas kehendak peribadi Elmalılı, ianya merupakan reaksi kepada perubahan mendasar yang berlaku dalam politik, sosial dan intelektual masyarakat Turki pasca-Uthmaniyyah. Dalam mukadimah karyanya, Elmalılı dengan tegas membezakan antara konsep terjemahan dan *meâl*, serta menolak anggapan bahawa karyanya merupakan terjemahan literal semata-mata. Sebaliknya, beliau memperkenalkan konsep *meâl* sebagai bentuk penterjemahan berasaskan makna (*semantic translation*) yang berpaksikan penafsiran konsep ayat, dan bukan sekadar pemindahan linguistik (Öztürk, 2019). Pendekatan ini menolak ideologi “al-Qur'an Turki”, iaitu gagasan untuk menjadikan terjemahan literal al-Qur'an dalam bahasa Turki sebagai bacaan dalam ibadah. Bahkan, Elmalılı menekankan keperluan kepada kefahaman kontekstual dalam menyampaikan mesej al-Qur'an kepada masyarakat Turki moden (Atalay, 2007). Walaupun *meâl* telah menjadi salah satu pendekatan utama dalam tradisi penterjemahan al-Qur'an di Turki moden, kajian yang meneliti asas metodologinya serta peranan tokoh yang membentuk pendekatan ini, seperti Elmalılı, masih kurang diberikan perhatian secara mendalam dalam wacana akademik (Wilson, 2009).

Selain itu, masih terdapat kekeliruan dalam membezakan antara *meâl* sebagai bentuk tafsir ringkas atau terjemahan al-Qur'an. Kekaburan ini berpunca daripada kurangnya analisis yang mendalam terhadap perbezaan antara konsep *meâl* dan terjemahan, khususnya dari sudut pendekatan linguistik dan metodologi yang digunakan oleh Elmalılı dalam menterjemahkan ayat-ayat al-Qur'an. Perkembangan *meâl* yang dipengaruhi oleh arus ideologi dan wacana politik menjadikannya sebagai simbol pendekatan penterjemahan yang bersifat dinamik dan kontekstual. Dalam konteks ini, karya tafsir Elmalılı menjadi sangat signifikan kerana ia bukan sahaja memenuhi tuntutan pemodenan masyarakat Turki yang memerlukan kefahaman agama dalam bahasa perantaraan mereka, tetapi juga menampilkan pendekatan penterjemahan yang teliti dan menyeluruh berasaskan analisis tafsir yang mendalam (Karslı, 2015). Keistimewaan ini menjadikan karya beliau lebih bernilai berbanding terjemahan-terjemahan lain yang tidak disertakan dengan unsur tafsir atau penjelasan yang berautoriti.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan dengan dua objektif utama; (i) Menganalisis konsep *meâl* dalam konteks wacana penterjemahan al-Qur'an di Turki; dan (ii) Menilai sumbangan Elmalılı dalam membentuk pendekatan penterjemahan al-Qur'an yang sistematik melalui karya *Hak Dini Kur'an Dili*. Kajian ini akan meneliti peranan Elmalılı dalam memperkenalkan konsep *meâl* bukan sahaja sebagai usaha linguistik, tetapi sebagai satu pendekatan tafsir yang menjawab keperluan pemahaman agama dalam era pemodenan serta memberi implikasi penting terhadap perkembangan tradisi penterjemahan al-Qur'an di Turki.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan historiografi dengan analisis kandungan secara kualitatif bagi menelusuri perkembangan konsep *meâl* serta menilai peranan Elmalılı dalam usaha penterjemahan al-Qur'an di Turki. Historiografi merupakan salah satu bentuk penyelidikan kualitatif yang menumpukan perhatian terhadap cara peristiwa dan zaman sejarah ditafsir serta dikaji. Pendekatan ini melibatkan analisis kritikal terhadap sumber-sumber sejarah, penafsiran data, dan analisis naratif yang memberi penekanan kepada pemahaman makna, konteks, serta penggunaan bukti yang sahih (Lundy, 2008). Sumber utama kajian ini ialah karya *Hak Dini Kur'an Dili*, dengan penekanan khusus terhadap bahagian *mukadimah* yang memuatkan hujahan Elmalılı mengenai keperluan penterjemahan al-Qur'an, pemilihan istilah *meâl*, serta pendekatan beliau terhadap pentafsiran teks. Sumber sekunder pula terdiri daripada dokumen-dokumen sejarah seperti *zabit ceridesi* (rekod parlimen), laporan institusi, artikel jurnal, serta kajian lepas yang menjelaskan konteks politik, sosial dan keagamaan pada era awal Republik Turki. Kaedah kajian ini mengikuti beberapa tahap penting sebagaimana digariskan oleh Berg & Lune (2012), iaitu: (1) mengenal pasti persoalan kajian, iaitu peranan Elmalılı dalam perkembangan konsep *meâl*; (2) menjalankan sorotan literatur terhadap sejarah istilah *meâl*; (3) mengesahkan kesesuaian penggunaan pendekatan historiografi dan analisis kandungan kualitatif; (4) mengenal pasti serta menilai kesahihan dan kebolehpercayaan sumber primer dan sekunder; dan (5) menganalisis kandungan teks dan membina hasil kajian berdasarkan dapatan yang diperoleh (Berg & Lune, 2012). Dengan menggabungkan kedua-dua pendekatan ini, kajian ini dapat menilai konsep *meâl* bukan sahaja dari sudut linguistik dan metodologi, tetapi juga dalam kerangka sejarah dan ideologi yang lebih luas. Ia seterusnya menjelaskan bagaimana karya tafsir Elmalılı memberi sumbangan penting dalam membentuk satu pendekatan penterjemahan al-Qur'an yang berautoriti, sistematik, dan berakar dalam konteks Turki moden.

SEJARAH PENTERJEMAHAN AL-QUR'AN DI ERA REPUBLIK TURKI

Terjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa Turki dicatatkan bermula sejak era awal penyebaran Islam di Asia Tengah, dengan bukti terjemahan terawal yang masih wujud dari abad ke-12 (sebahagian mengaitkan ianya bermula pada abad ke-10) yang dikaitkan dengan tafsir al-Tabari dan dilaksanakan di bawah naungan Dinasti Samanid. Pendekatan yang digunakan ketika itu ialah penterjemahan secara literal, iaitu padanan setiap perkataan Arab diberikan dalam bahasa Turki dari baris ke baris berikutnya, dan kadangkala disertakan terjemahan dalam bahasa Parsi. Manakala antara karya penting yang bersifat terjemahan adalah terjemahan tafsir yang dikaitkan dengan Abu al-Layth al-Samarqandi, oleh Ahmed-i Da'i (1387-1421) semasa era Uthmaniyyah. Usaha-usaha ini menunjukkan keinginan untuk memudahkan pemahaman al-Qur'an dalam kalangan masyarakat Turki yang tidak mahir berbahasa Arab. Sepanjang era Uthmaniyyah hingga abad ke-19, terjemahan al-Qur'an kebanyakannya bersumberkan tafsir dalam bahasa Arab atau Parsi, dan masih belum bersifat terjemahan bebas (Şimşek, 2019).

Perkembangan ketara berlaku pada era *Tanzimat* (penyusunan semula empayar Uthmaniyyah) apabila semangat nasionalisme dan pemodenan mula mempengaruhi aktiviti penterjemahan. Sebelum dan selepas pembentukan Republik Turki, aktiviti penterjemahan giat dilakukan, namun ramai yang terlibat dalam usaha ini bukanlah ahli dalam bidang tafsir (Aydar, 2007). Beberapa karya penting muncul seperti *Tafsir al-Tibyan*, *Tefsir-i Mevakib* oleh İsmâil Ferruh Efendi (w. 1840) dan *Tefsir-i Cemali* oleh Muhammed Hayruddin Han Hindi, yang lebih bersifat tafsir ringkas dan bukan terjemahan al-Qur'an yang dihasilkan oleh kedua-dua tokoh ini. Walaupun mendapat sambutan, karya-karya ini sukar difahami oleh masyarakat umum kerana penggunaan bahasa yang kompleks. Tambahan pula, usaha penterjemahan ini berdepan tentangan politik dan agama, termasuk larangan oleh Sultan Abdulhamid dan fatwa Sheikh al-Islam yang mengehadkan penerbitan terjemahan al-Qur'an dalam bahasa selain Arab kerana

keimbangan terhadap unsur penyimpangan dan agenda tersembunyi (Simsek, 2018; Aydar, 2012).

Memasuki abad ke-20, khususnya selepas penghapusan kekhalifahan dan pengisytiharan Republik Turki pada tahun 1923, penerbitan terjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa Turki mengalami peningkatan mendadak. Namun, lonjakan ini berlaku dalam konteks peminggiran ulama dan institusi Islam, susulan pemansuhan mahkamah syariah dan madrasah pada tahun 1924. Golongan pemikir seperti Ali Süavi (1839–1878), Ahmet Ağaoğlu (1869–1939), Ahmet Mithat Efendi (1844–1912), dan Ziya Gökalp (1876–1924) menyeru agar al-Qur'an diterjemahkan ke dalam bahasa Turki demi memudahkan kefahaman agama dan mengurangkan kebergantungan kepada bahasa Arab (Can, 2015). Mereka juga berpendapat bahawa ketiadaan terjemahan menyukarkan pemantauan terhadap ajaran sesat dan riwayat yang tidak sahih. Sebaliknya, tokoh seperti Mustafa Sabri Efendi (1869–1954) dan Haşim Nahit (1880–1962) menolak usaha penterjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa Turki atas alasan menjaga kesucian teks wahyu (Aydar, 2012; Öztürk, 2012).

Perdebatan ini menyaksikan kemunculan pelbagai terjemahan, namun menimbulkan dua isu utama: pertama, kebanyakan penterjemahan dilakukan oleh individu yang tidak berautoriti (Ersöz, 2019; Wilson, 2009; Vakkasoglu, 1987); kedua, terdapat kecenderungan untuk menerbitkan terjemahan demi kepentingan komersial (Aydar, 2012). Namun karya-karya yang diterbitkan ini mendapat kritikan hebat daripada ulama dan pihak Diyanet kerana diterbitkan oleh individu tanpa kelayakan yang sewajarnya (Cündioğlu, 1998). Contohnya, karya *Kur'an-i Kerim Tercümesi* (*Terceme-i Şerif/Zübdetü'l-Beyan*) dihasilkan oleh *Seyyid Süleyman Tevfik el-Hüseyni* (1861–1939), walaupun telah disiapkan sebelum tahun 1908, hanya berjaya diterbitkan selepas penubuhan Republik akibat tekanan sosial dan politik sebelumnya. Namun, latar belakang peribadi penulis yang pernah menulis karya sihir dan buku masakan menimbulkan kontroversi, dan karya ini dikecam oleh *Sebilürreşad* sebagai terjemahan yang sesat (Wilson, 2009).

Pada tahun 1924, satu lagi terjemahan berjudul *Nûr'ul-Beyan* diterbitkan oleh Tüccarzâde İbrahim Hilmi (1880-1963). Edisi awal menyebut nama Hüseyin Kazim Kadri (1870-1934) sebagai penterjemah, dan dalam kata pengantar, dijelaskan bahawa karya ini tidak bertujuan menetapkan hukum, tetapi sekadar membantu pembaca memahami maksud ayat al-Qur'an (Cündioğlu, 1996). Karya ini menggunakan pendekatan “*tercume-i tefsiri*” (gabungan terjemahan literal dan tafsir ringkas), namun menerima kritikan daripada majalah *Sebilürreşad* dan Ketua Diyanet ketika itu, Rifat Börekçi, khususnya atas kelemahan dari segi ketepatan makna dan gaya bahasa Turki yang tidak mencapai tahap sastera yang sesuai bagi teks al-Qur'an (Altuntaş, 2006).

Antara karya terjemahan al-Qur'an lain yang kontroversial pada era awal Republik ialah *Türkçe Kur'an'ı Kerim Tercümesi* yang diterbitkan pada tahun 1926 oleh Matbaah Marifet di Istanbul, dan diterjemahkan oleh Zeki Megamiz, seorang Arab Kristian. Walaupun dikemukakan sebagai hasil kerja sekumpulan sarjana, ia sebenarnya diterjemahkan secara individu, sekali gus menimbulkan isu tentang kelayakan penterjemah dan motif komersial dalam penerbitan karya-karya keagamaan ketika itu (Can, 2015). Penerbit karya ini, İbrahim Hilmi (1880–1963), menyatakan hasrat untuk menyokong pemahaman agama dalam bahasa Turki. Namun, semangat nasionalisme dan dorongan keuntungan turut mempengaruhi banyak penerbitan terjemahan al-Qur'an pada waktu itu, yang akhirnya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan perbincangan tentang keabsahan serta fungsi sebenar terjemahan al-Qur'an (Cündioğlu, 1998).

Bagi menangani kekeliruan ini, Parlimen Turki (TBMM) melancarkan projek rasmi penterjemahan dan penulisan tafsir al-Qur'an. Mehmet Akif Ersoy (1873–1936) dilantik untuk penterjemah, manakala Elmalılı Hamdi Yazır ditugaskan menulis tafsir. Akif menolak istilah “terjemahan” (*tercüme*) dan hanya bersetuju jika hasilnya dianggap sebagai “ringkasan makna” (*meal*), kerana khuatir ianya akan digunakan menggantikan al-Qur'an dalam ibadah. Kebimbangan beliau meningkat apabila bacaan al-Qur'an terjemahan berbahasa Turki dalam solat mula berlaku di beberapa lokasi seperti Masjid Göztepe. Akhirnya, beliau menarik diri daripada projek tersebut pada tahun 1929, memulangkan manuskrip yang telah diserahkan, dan membatalkan kontrak dengan Diyanet İşleri Riyaseti (Aydar, 2007). Selepas Akif Bey menarik diri, Elmalılı mengambil

alih keseluruhan projek pada tahun 1931 dan menghasilkan karya *Hak Dini Kur'an Dili*. Bahkan melalui karya ini beliau berjaya menolak istilah “Türkçe Kur'an-ı Kerim” (al-Qur'an dalam Bahasa Turki) yang dipopularkan oleh Ziya Gökalp (1876-1924) dan mengecam usaha menjadikan terjemahan al-Qur'an sebagai teks ibadah melalui penerbitan *meal*.

BIOGRAFI RINGKAS *ELMALILI MUHAMMED HAMDİ YAZIR (1878-1942 M)*

Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır (1878-1942 M) dilahirkan di *Elmalı*, sebuah daerah di Antalya, Turki. Keluarga beliau berasal daripada Burdur. Nama penuh beliau adalah Muhammed Hamdi, Yazır merupakan nama keluarga (*surname*) yang beliau gunakan, apabila undang-undang nama keluarga digubal, dan beliau telah mengambil nama kampung bapanya (*Yazır*) sebagai nama keluarga, tetapi beliau lebih terkenal dengan nama *Elmalılı*, yang merujuk kepada tempat kelahiran beliau. Beliau adalah salah seorang generasi akhir ulama Turki *Uthmaniyyah* yang mendapat pendidikan di madrasah *Uthmaniyyah* sebelum ianya ditutup secara rasmi oleh kerajaan Republik Turki (Köksal, 2017; Okumuş, 2017). Elmalılı berasal daripada sebuah keluarga terhormat yang berakar kukuh dalam tradisi keilmuan serta tergolong dalam kelompok ilmuwan *Uthmaniyyah* yang dikenali sebagai *ilmiye* (Yavuz, 1995). Beliau mendapatkan pendidikan awal dan menamatkan hafazan al-Qur'annya di kampung halamannya *Elmalı*. Setelah itu beliau telah mengikut bapa saudaranya, Mustafa Efendi untuk berhijrah ke Istanbul pada tahun 1895, dan meneruskan pendidikan ke peringkat seterusnya di *Madrasah Küçük Ayasofya*.

Beliau telah menerima ijazah daripada *Kayserili Mahmud Hamdi Efendi*, yang mana ilmuwan-ilmuwan muda ketika itu telah datang ke Masjid *Beyazıt* untuk menuntut ilmu dengan guru mereka Mahmud Hamdi Efendi. Bagi membezakan *Elmalılı* dengan gurunya yang mempunyai nama yang sama, beliau telah diberi gelaran '*Küçük (junior) Hamdi Efendi*', dan telah menggunakan nama ini sebelum menggunakan nama keluarga *Yazır*. Beliau telah menuntut ilmu dalam pelbagai bidang termasuklah sastera, falsafah, matematik, kimia, muzik dan kaligrafi, sehinggakan pada tahun 1906 beliau telah dilantik sebagai *dersiâm* (pensyarah) di Madrasah *Beyazıt*. Dalam tempoh yang singkat beliau juga telah menamatkan pelajarannya di *Mektebi Nuvab* (Fakulti Undang-undang) (Gökkır, 2012; Yavuz, 1995; Albayrak, 1993). Pada tahun 1906 beliau telah memulakan kerjayanya sebagai tenaga pengajar di Madrasah di sekitar Istanbul seperti di *Mekteb-i Nuvab*, *Madrasah Süleymaniye*, dan *Medresetü'l Vaizin*, serta di *Mülkiye Mektebi* (Fakulti Sains Politik), sehinggakan beliau dikenali sebagai *ders-i âmluk* (gelaran khas setaraf dengan professor kini) kerana kemahiran yang beliau miliki sebagai seorang ulama yang mampu mengajar semua mata pelajaran (Atik, 2022).

Pada tahun 1908, ketika kerajaan perlembagaan kedua ditubuhkan Elmalılı telah dilantik sebagai ahli parlimen di Antalya. Walaupun beliau telah mula melibatkan diri dalam politik ketika itu, beliau tetap meneruskan pengajaran dan pembelajarannya. Beliau telah memberikan syarahan umum kepada masyarakat serta mengajar metodologi perundangan, undang-undang Islam, dan lain-lain (Ardıç, 2012). Pada tahun 1918, beliau dilantik sebagai ahli *Dar al-Hikmah al-Islamiyyah* (Akademi Islam) dan pada tahun 1919 beliau telah dilantik sebagai presiden kepada akademi ini. Di dalam akademi ini, beliau menjalankan dua tugas utama iaitu menjawab soalan-soalan orang bukan Islam dan juga mencari penyelesaian terhadap masalah umat Islam. Setelah itu, semasa pemerintahan Damat Ferit Pasha beliau telah dilantik sebagai Menteri Wakaf Amal (*Evkaf Nazirliği*), sebuah yayasan waqaf dan ketika bertugas sebagai menteri beliau menulis sebuah kitab berkaitan undang-undang wakaf yang bertajuk *İrşadi'l-Ablâf fi Ahkami'l-Evkaf* (Yavuz, 1995).

Namun begitu, apabila Kerajaan Republik ditubuhkan di Ankara, kebanyakan pegawai pro-Uthmaniyyah telah melarikan diri ke pelbagai negara di Timur dan Barat, tetapi Elmalılı tetap kekal di tanah airnya, dan tidak lama kemudian beliau ditangkap dan telah dibicarakan di Ankara. Setelah 40 hari di dalam penjara, beliau didapati tidak bersalah dan telah dibebaskan (Yavuz, 1995). Setelah itu, beliau telah kembali ke Istanbul, dan meneruskan penulisan dan terjemahan karya-karya beliau sebelum beliau dilantik untuk mentafsirkan dan menterjemahkan al-Qur'an pada tahun 1926 (Albayrak, 2004; Köksal, 2017), dan ini merupakan projek terakhir beliau yang berjaya diselesaikan sebelum beliau meninggal dunia pada 27 Mei 1942. Beliau dikatakan meninggal dunia

akibat penyakit jantung, yang telah lama dialaminya, dan beliau telah menghembuskan nafas terakhirnya di rumah menantunya di *Erenköy* dan dikebumikan di Tanah Perkuburan *Sabraycedid, Kadıköy* Istanbul, bersebelahan dengan kubur ayahandanya (Bilmen, 1974; Ersöz, 1993; Köksal, 2017).

PENGENALAN KARYA TAFSİR *HAK DÎNÎ KUR'AN DİLÎ*

Elmalılı bukanlah ulama tafsir, kerana karya yang beliau hasilkan sebelumnya tidak terfokus kepada tafsir, dan satu-satunya tafsir yang beliau hasilkan adalah *Hak Dini Kur'an Dili*, dan karya ini telah mengangkat nama beliau sehingga kini. Karya sembilan jilid terjemahan dan tafsir al-Qur'an yang bertajuk *Hak Dini Kur'an Dili* (Terjemahan literal: Kebenaran Agama Bahasa Al-Qur'an), *Hak Dini* (Kebenaran Agama) adalah merujuk kepada penentangan beliau terhadap positivisme yang mempengaruhi pemikiran masyarakat dunia khususnya Turki ketika itu, manakala *Kur'an Dili* (Bahasa Al-Qur'an) adalah merujuk kepada penolakan terhadap keharusan beribadah di dalam Bahasa Turki (Bilgin 2015). Kitab tafsir ini telah mengambil masa 12 tahun (1926-1938) untuk Elmalılı menyelesaikan penterjemahan dan penulisan tafsir ini, dan kitab ini telah dicetak di Istanbul pada tahun 1935-1939. *Hak Dini* merupakan karya tafsir al-Qur'an pertama yang dihasilkan dalam huruf latin pada zaman awal Republik Turki (Mursyid, 2020; Wilson, 2009) dua tahun selepas ia ditubuhkan.

Dari sudut metodologi penulisan tafsir *Hak Dini Kur'an Dili* oleh Elmalılı dipandu oleh tujuh klausa utama sebagaimana dinyatakan dalam kontraknya bersama *Diyanet*. Klausa tersebut merangkumi: (i) menjelaskan hubungan antara ayat-ayat al-Qur'an (*munasabah al-āyat*), (ii) menyatakan sebab-sebab penurunan ayat (*asbāb al-nuzūl*), (iii) memberikan maklumat mengenai qirā'āt yang sah tidak melebihi sepuluh qirā'āt yang masyhur, (iv) menghuraikan makna bahasa terhadap perkataan dan frasa penting, (v) menafsirkan hukum-hukum agama berdasarkan mazhab *Ḥanafī* dan akidah *Ahl al-Sunnah* serta menjelaskan isu falsafah dan ilmiah yang terkandung dalam ayat, (vi) memberi penjelasan kritikal terhadap kesalahan tafsiran orientalis Barat, dan (vii) menulis mukadimah yang menerangkan hakikat al-Qur'an serta isu-isu asas berkaitannya (Yazır, 1971). Ketujuh-tujuh prinsip ini membentuk kerangka metodologi tafsir beliau yang menggabungkan pendekatan tradisional dengan keperluan semasa, sekali gus menjadikan karyanya sebagai model tafsir moden yang berautoriti dalam konteks masyarakat Turki.

Dari sudut penulisan, karya *Hak Dini Kur'an Dili* dimulakan dengan maklumat pengenalan bagi setiap surah, diikuti dengan *meâl* (terjemahan makna), dan huraian tafsir secara berurutan (musalsal). Elmalılı menerapkan pendekatan tematik (*necm*), membahagikan ayat kepada bahagian kecil (*lemma*), serta menggabungkan elemen linguistik, *qirā'āt*, *asbāb al-nuzūl*, hukum-hukum syariah, dan respons terhadap tafsiran orientalis. Beliau menekankan pemindahan makna yang bersifat kontekstual dan interpretatif, bukan terjemahan literal semata-mata, di samping mengimbangi warisan tafsir klasik dengan wacana keilmuan moden. Karyanya juga memperlihatkan pengaruh ilmu Barat, hasil penguasaannya terhadap bahasa Perancis yang membolehkannya mengakses karya falsafah dan sains moden, selain penggunaan sumber-sumber utama tafsir dan disiplin ilmu lain yang diperoleh daripada perpustakaan Istanbul (Bilgin, 1995). Elmalılı turut menegaskan bahawa karya beliau bukanlah terjemahan daripada mana-mana karya tafsir Arab, sebaliknya disusun berdasarkan pelbagai sumber utama yang dinyatakan secara eksplisit, sama ada dengan menyebut rujukannya secara langsung atau tidak menyatakannya sekiranya dianggap telah diketahui umum (Bilgin, 1995). Pendekatan ini memperlihatkan ketelusan intelektual beliau dalam menggabungkan pelbagai disiplin ilmu untuk menghasilkan sebuah karya terjemahan dan tafsir yang bersifat autoritatif, asli, dan relevan dengan keperluan masyarakat Turki pada zamannya.

KONSEP MEÂL DALAM PERKEMBANGAN TERJEMAHAN AL-QUR'AN DI TURKI

Istilah *meâl* (المآل) yang berasal daripada kata akar 'awl yang bermaksud kembali atau memperbaiki, yang mana ianya datang dalam bentuk *masdar* (kata nama terbitan) untuk membawa maksud tujuan atau matlamat yang ingin dicapai (Ibn Fāris 1979). Istilah *ta'wil* juga berasal daripada akar kata yang sama dan sering digunakan dalam penulisan karya ilmiah seperti tafsir, fikah, dan akidah. Walaupun terjemahan al-Qur'an ke dalam pelbagai bahasa, termasuk bahasa Turki, telah dilakukan sejak dahulu, penggunaan istilah *meâl* untuk merujuk kepada terjemahan al-Qur'an merupakan fenomena unik dalam bahasa Turki. Pada akhir era Uthmaniyyah, *meâl* digunakan sebagai padanan bagi 'makna dan konsep,' merujuk kepada pemindahan sesuatu perkataan ke bahasa lain bukan secara harfiah, tetapi dari sudut makna dan konsep. Istilah ini kemudiannya berkembang menjadi makna khusus yang membawa maksud "terjemahan al-Qur'an yang tidak harfiah tetapi berdasarkan makna dan konsep." Dengan demikian, *meâl* memperoleh makna teknikal dalam konteks penterjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa Turki (Öztürk, 2019).

Penggunaan istilah *Meâl* untuk terjemahan al-Qur'an pertama kali diperkenalkan oleh Elmalılı dalam karya tafsirnya, *Hak Dini Kur'an Dili* (Külünk, 2023). Dalam karyanya, Elmalılı menekankan bahawa istilah ini digunakan kerana ia tidak menyampaikan makna teks secara sempurna, tetapi dalam bentuk yang ringkas dan berfokus. Dalam mukadimahnyanya, Elmalılı dengan tegas membezakan antara konsep terjemahan dan *Meâl*, dan menjelaskan bahawa karyanya bukanlah terjemahan al-Qur'an, sebaliknya merupakan sebuah *Meâl. Tercüme* (Terjemahan) menurut beliau adalah:

“...bir kelâmin manasım, diğer bir lisanda dengi bir tabir ile aynen ifade etmektedir.”

(Yazır, 1971)

Maksudnya: Ia adalah untuk menyatakan makna sesuatu perkataan dengan tepat dengan ungkapan yang setara dalam bahasa lain.

Manakala, *Meâl* difahami oleh beliau sebagai:

“*Meâl, “Kur'an'ın mânasım ve mefhumunu esas alan bir tercüme tarzı”*

(Yazır, 1971)

Maksudnya: Suatu bentuk terjemahan yang berasaskan makna dan maksud al-Qur'an”

Meskipun *meâl* didefinisikan sebagai terjemahan berasaskan makna dan maksud al-Qur'an, namun karya yang dihasilkan oleh Elmalılı, mengaplikasikan gaya terjemahan yang cenderung kepada bentuk harfiah (*lafziyy*) yang asalnya dianggap mustahil. Pendekatan ini menjadikan bahasa dalam karya *meâl* bersifat 'kering' dan 'hambar' seperti teks undang-undang, kerana tumpuan diberikan kepada makna literal sehingga mengorbankan unsur emosi, penekanan retorik, dan keindahan gaya bahasa al-Qur'an. Kehilangan nilai estetik ini dianggap tidak dapat dielakkan, memandangkan sifat mukjizat al-Qur'an yang tidak mampu disampaikan sepenuhnya melalui terjemahan (Öztürk 2011). Dalam konteks ini, Elmalılı memainkan peranan penting dalam memperkenalkan dan mempopularkan istilah *meâl* sebagai rujukan terjemahan al-Qur'an di Turki (Yılmaz, 2008), yang kemudiannya diperkukuh oleh Hasan Basri Çantay (1887–1964) sebagai istilah teknikal sejak awal 1960-an. Hari ini, lebih 200 karya terjemahan moden merujuk kepada format dan pendekatan yang diasaskan oleh kedua-dua tokoh ini (Öztürk, 2011).

Bahkan, *Kamus Besar Bahasa Turki* yang diterbitkan pada tahun 1960, yang disunting oleh Osman Nebioğlu (1912–1988), istilah *meâl* diformulasikan semula dengan menekankan keindahan bahasa asal. Nebioğlu menekankan bahawa pemeliharaan gaya *meâl* inilah yang membezakannya daripada istilah *tercüme* [terjemahan]. Dari masa ke masa, pemetaan awal *meâl* sebagai “terjemahan literal” telah berubah, dan pelbagai pendekatan dalam penghasilan teks mula disebut sebagai *meal*. Akhirnya kalimah ini dimasukkan ke dalam kamus pada tahun 1980-an. Penjelasan yang diberikan kepada kalimah ini adalah seperti berikut:

“*Mana, mefhum, kavram. Öz, özet. Kur'an-ı Kerim'in anlamını ihtiva eden kitap*”
(*Büyük Türkçe Sözlük [Kamus Besar Bahasa Turki]*, 1982)

Maksudnya: Makna, pengertian, konsep. Intipati, ringkasan. Kitab yang mengandungi maksud al-Qur'an.

Ini bermakna, penggunaan istilah *meal* menggambarkan keperluan mendalam untuk memahami al-Qur'an dalam konteks bahasa tempatan, di samping mencerminkan perbahasan berterusan mengenai kaedah yang paling sesuai dalam penterjemahan kitab suci al-Qur'an.

Kesimpulannya, istilah *meal* dalam konteks terjemahan al-Qur'an di Turki bukan sekadar merujuk kepada pemindahan bahasa, sebaliknya mencerminkan pendekatan hermeneutik yang berkembang dalam sejarah warisan terjemahan al-Qur'an di negara tersebut. Penggunaan istilah ini telah mengubah persepsi terhadap terjemahan al-Qur'an dengan membezakan antara *tercüme* yang bersifat literal dan *meal* yang menekankan pemindahan makna dan maksud. Melalui sumbangan Elmalılı dan Hasan Basri Çantay, *meal* bukan sahaja mendapat pengiktirafan sebagai istilah teknikal dalam tradisi Turki, tetapi juga membentuk satu aliran pemikiran terjemahan tersendiri yang menyeimbangkan antara kesetiaan terhadap teks dan tuntutan konteks semasa. Kemasukan istilah ini ke dalam kamus rasmi dan penerimaan luasnya dalam lebih 200 karya moden menunjukkan bahawa Turki telah membangunkan satu wacana terjemahan al-Qur'an yang tersendiri, yang tidak hanya mementingkan struktur bahasa, tetapi juga menangani keperluan identiti, kefahaman agama, dan cabaran zaman.

SUMBANGAN ELMALILI TERHADAP PENTERJEMAHAN AL-QUR'AN DI TURKI

Penterjemahan al-Qur'an bukan sekadar proses pemindahan bahasa, tetapi turut berfungsi sebagai alat pengajaran yang berkesan dalam menyampaikan mesej suci kepada masyarakat. Menurut Hikmet Koçyigit (2017), terdapat empat tujuan utama terjemahan al-Qur'an, iaitu: (i) memberi makna literal untuk membantu pembaca memahami perkataan dalam al-Qur'an, (ii) menyampaikan makna tematik yang merangkumi keseluruhan kandungan, (iii) menyediakan makna tanpa teks untuk membolehkan akses tanpa kekangan seperti keperluan berwuduk, dan (iv) menyampaikan makna penjelasan secara terperinci dan jelas. Dalam konteks ini, Elmalılı memainkan peranan penting dalam menerjemahkan dan mentafsirkan al-Qur'an melalui karyanya, *Hak Dini Kur'an Dili*. Karya ini bukan sahaja menjadi rujukan utama dalam memahami makna al-Qur'an di era moden, tetapi juga mencerminkan pendekatan Elmalılı yang menggabungkan ketelitian linguistik dan penekanan terhadap keindahan bahasa dalam menyampaikan maksud wahyu. Tafsir ini turut memperkenalkan istilah *Meal* untuk merujuk kepada terjemahan al-Qur'an yang tidak sekadar literal, tetapi lebih kepada penjelasan konsep dan makna, menjadikannya rujukan utama dalam pengajian Islam di Turki.

Bahkan kajian terhadap sumbangan Elmalılı amat penting untuk memahami nilai ilmiah dan impak penterjemahan al-Qur'an di Turki. Ini kerana kajian mengenai mufassir Turki dan karya-karya mereka masih terhad, sama ada dalam kajian akademik di Barat mahupun Timur. Baljon (1968) sendiri mengakui penyesalannya kerana tidak memasukkan nama para intelektual Muslim Turki dalam bukunya *Modern Muslim Kor'an Interpretation 1880-1960*. Walaupun kebelakangan ini minat terhadap kajian tafsir Elmalılı mula meningkat, tetapi ianya memerlukan penelitian yang lebih mendalam serta berterusan bagi memperkenalkan tokoh ini secara lebih luas kepada masyarakat antarabangsa. Maka, bahagian ini akan meneliti tiga aspek utama yang menonjolkan sumbangan Elmalılı dalam bidang terjemahan al-Qur'an. Pertama, peranan beliau sebagai cendekiawan dan autoriti dalam bidang ini akan dibincangkan bagi memahami kedudukannya sebagai tokoh ilmiah yang berwibawa dan layak untuk menerjemahkan al-Qur'an.

Kedua, bahagian ini akan menyoroti corak penterjemahan al-Qur'an yang unik yang diaplikasikan oleh Elmalılı, termasuk pendekatan linguistik dan metodologi yang digunakan dalam karyanya secara ringkas. Akhirnya, perbincangan akan tertumpu kepada bagaimana beliau menjadi rujukan utama dalam penterjemahan al-Qur'an di Turki, memperlihatkan sumbangan berterusan karyanya dalam wacana tafsir dan penterjemahan al-Qur'an sehingga hari ini.

Keilmuan dan Autoriti *Elmalılı* Sebagai Ulama

Elmalılı mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang ilmu-ilmu asas Islam seperti tafsir, fiqh dan hadis, dan juga mempunyai pandangan yang tersendiri dalam bidang tasawuf, falsafah dan teologi. Beliau juga berbakat dalam bidang seni seperti mana yang ditonjolkan melalui karya kaligrafi yang dihasilkannya (Ersöz, 1993). Di samping itu, beliau juga mempunyai kemahiran bahasa yang luar biasa sehinggakan beliau boleh menguasai tiga bahasa asing, selain daripada kemahiran Bahasa Arab dan Bahasa Parsi yang dimiliki, beliau juga telah mempelajari Bahasa Perancis selama 8 bulan, ketika beliau bertugas sebagai Menteri Wakaf Amal dan telah menterjemahkan sebuah karya penting dalam bidang falsafah dalam Bahasa Perancis kepada Bahasa Turki (Güven, 2015). Bidang pengkhususan utama Elmalılı adalah dalam bidang *fiqh*, beliau telah mendalami ilmu *fiqh* ini selama lima belas tahun, dan selepas beliau menguasai Bahasa Perancis beliau telah merealisasikan matlamatnya untuk membentangkan prinsip asas sistem perundangan Barat dan membuat perbandingan saintifik terhadap nilai kemanusiaan dan sosial di antara Syariah Islam dan undang-undang Barat (Köksal & Kaya, 2011).

Bahkan banyak karya-karya awal beliau adalah berkaitan dengan bidang *fiqh*. Walau bagaimanapun, dilihat bahawa *Elmalılı* mempunyai pandangan yang holistik tentang keilmuan Islam dan telah dididik dalam pelbagai bidang sejak awal pendidikannya. Pandangan holistik pemikiran Islam dan keilmuan Islam ini dicerminkan secara kronologi dalam artikelnya. Oleh kerana ketinggian ilmu dan keintelektualan beliau inilah, beliau telah diberi mandat oleh kerajaan republik Turki untuk mentafsirkan al-Qur'an dan beliau melaksanakan tugas ini dengan jayanya walaupun sebelum ini beliau tidak pernah menghasilkan sebarang tafsir (Köksal, 2017) Selain daripada kitab tafsir yang dibincangkan di dalam artikel ini, antara karya-karya yang beliau hasilkan, khususnya dalam bidang *fiqh* adalah seperti berikut:

- a. *Alfabetik İslam Hukuku ve Fıkıh İstılabları Kamusu* (Kamus Undang-undang Islam dan Fiqh Mengikut Abjad) – Ini merupakan karya beliau yang mengandungi lebih 4000 konsep fiqh yang dibincangkan. Karya ini tidak dapat diselesaikan secara keseluruhan oleh penulis. Namun begitu, ianya telah dilengkapi oleh Ömer Nasuhi Bilmen (w. 1971) dan telah diterbitkan di Istanbul pada tahun 1997, dan mengandungi 5 jilid.
- b. *İrşadi'l-Ahlâf fi Ahkâmı'l-Evkâf* – Karya yang diterbitkan di Istanbul pada tahun 1991 ini merupakan penulisan dan perspektif beliau berkaitan wakaf dan karya ini mengandungi nota kuliah beliau ketika beliau mengajar di *Maktab Mülkiye* (Fakulti Sains Politik).
- c. *Sefer Bahsi* – Merupakan surat yang ditulis dengan panjang (20 muka surat) kepada Ahmet Hamdi Akseki berkaitan jarak perjalanan yang dibenarkan untuk melakukan solat musafir, yang diletakkan pada awal jilid ke-8 dan ke-9 di dalam tafsir *Hak Dini Kur'an Dili*, dan dicetak oleh anak lelaki beliau, Muhtar Yazır di Nebioğlu Press pada tahun 1960.
- d. *Hız Muhammed (SAV)'in Dini (İslam)* – Merupakan karya berkaitan jawapan kepada soalan-soalan yang ditanya oleh Gereja Anglikan ke pejabat *Shaykhulislâm* mengenai agama Islam, ketika beliau bertugas di *Dar al-Hikmah al-Islamiyyah*.
- e. *Tahlili Felsefe Tarihi Metaleb ve Mezaib* – Diterbitkan pada tahun 1922, dan merupakan karya terjemahan kepada ‘ ’ oleh Paul Janet dan Gabriel Seailles dalam bidang falsafah seperti metafizik. Karya ini sangat terkenal dalam kalangan masyarakat di Turkiye.
- f. Selain daripada karya-karya di atas, beliau juga menulis pelbagai artikel dan karya lain seperti ‘Usul-i Fiqh’, ‘*Hüccetüllahi'l-Baligâ* Tercümesi (Terjemahan)’ dan ‘*Şiir Divanı*

(Koleksi Puisi Divan)', namun begitu karya ini tidak ditulis secara lengkap dan sebahagiannya tidak diterbitkan secara rasmi (Yıldırım, 2023).

Bahkan Elmalılı dihormati sebagai ulama tafsir yang mahir dalam bidang tafsir, bahasa, dan pemikiran Islam. Keistimewaanannya terserlah melalui karyanya, *Hak Dini Kur'an Dili*, yang bukan sekadar terjemahan, tetapi turut dilengkapi dengan tafsiran mendalam berasaskan prinsip *Ahl al-Sunnah*. Karya ini dihasilkan sebagai respons terhadap kritikan terhadap terjemahan al-Qur'an yang tidak cermat oleh orientalis dan individu dari mazhab yang tidak diiktiraf. Beliau turut menyesuaikan makna dan struktur tatabahasa Arab mengikut konteks, disertai dengan penggunaan bahasa pertuturan, ungkapan rakyat, dan peribahasa Turki bagi menjadikan tafsirnya lebih mesra pembaca. Dengan gabungan ketelitian ilmiah dan gaya bahasa yang indah, karya ini diiktiraf sebagai tafsir yang berwibawa dan menjadi rujukan utama dalam pengajian Islam di Turki (Karsli, 2015). Albayrak (1993) juga menjelaskan ketika membincangkan keistimewaan tafsir Elmalılı menyatakan bahawa tafsir ini dilihat telah mengintegrasikan pembaca dengan al-Qur'an, iaitu dengan mengaitkan al-Qur'an dengan kehidupan masyarakat, serta membuka ruang kepada pembaca untuk memikirkan dan menghayati ayat-ayat tersebut.

Elmalılı juga di dalam mukadimah tafsirnya menjelaskan bahawa pendekatan yang akan beliau gunakan di dalam tafsirnya adalah pendekatan tradisonal atau klasik (Özel, 2012; Ersöz, 2019), tetapi beliau adalah muslim kontemporari yang membawa tradisi keintelektualan ulama Turki Uthmaniyah (Gunasti, 2011). Walaupun, beliau banyak merujuk kepada karya-karya tafsir klasik Arab, tetapi beliau juga mempamerkan percubaan yang teliti, dan rasional untuk menghasilkan tafsiran yang selaras dengan zamannya, dan dalam semangat perkembangan sains kontemporari (Okumus, 2015). Ini kerana beliau berpendapat bahawa al-Qur'an harus ditafsirkan mengikut kemajuan yang dicapai pada setiap zaman. Menurutnya, maklumat pentafsiran seperti ini akan menguatkan akidah umat Islam di era moden ini, di samping membantu memberikan gambaran yang jelas terhadap ayat tersebut. Oleh sebab itu, dalam tafsirnya, beliau menggunakan data saintifik yang disertai dengan penjelasan linguistik yang panjang lebar, kesimpulan falsafah dan tafsiran teologi, dan menyimpulkan dengan menekankan kekuasaan Allah SWT (Güllüce, 2012; Anik, 2019; Yalçın, 2019).

Justeru, jelaslah di sini bahawa Elmalılı merupakan seorang ulama tafsir yang dihormati dan diiktiraf sebagai autoriti dalam bidang ilmu Islam, khususnya tafsir, fiqh, hadis, tasawuf, falsafah, dan teologi. Keilmuannya yang luas, disokong oleh penguasaan bahasa Arab, Parsi, dan Perancis, membolehkan beliau menghasilkan karya yang mendalam dan berwibawa, termasuk tafsir dan terjemahan agungnya *Hak Dini Kur'an Dili*. Tafsir ini bukan sahaja menampilkan pendekatan tradisional berasaskan prinsip *Ahl al-Sunnah*, tetapi juga menggabungkan analisis moden yang merangkumi aspek saintifik, falsafah, dan linguistik. Keupayaannya menyesuaikan tafsiran al-Qur'an dengan perkembangan ilmu kontemporari tanpa mengorbankan ketulenan teks menjadikannya seorang tokoh yang mampu merapatkan jurang antara tradisi dan kemodenan. Karya-karyanya dalam fiqh, falsafah, dan tafsir mencerminkan keilmuan holistiknya serta membuktikan kedudukannya sebagai cendekiawan Islam yang memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan al-Qur'an, menjadikan beliau rujukan utama dalam pengajian Islam di Turki hingga kini.

Corak Penterjemahan al-Qur'an yang Diaplikasikan Elmalılı dan Keunikannya

Elmalılı di dalam karya tafsirnya *Hak Dini Kur'an Dili* juga telah membincangkan dengan jelas berkaitan isu terjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa lain selain bahasa Arab yang mana ianya menjadi isu perdebatan di Turki pada abad ke-19. Hasilnya, permulaan Elmalılı dalam membincangkan perkara ini dengan jelas telah menghasilkan satu karya terjemahan dan tafsir al-Qur'an yang sangat baik juga unik, yang mana tidak dapat ditemukan di dalam tafsir-tafsir lain yang diterbitkan selepas beliau (Öztürk, 2012). Antara prinsip penterjemahan yang digunakan oleh Elmalılı menekankan pendekatan berhati-hati untuk memastikan ketulenan makna al-Qur'an

terpelihara tanpa menjejaskan nilai estetika dan ketepatan maksud asal wahyu. Dalam konteks al-Qur'an, Elmalılı menekankan bahawa lapisan makna yang mendalam dan kehalusan bahasa al-Qur'an sukar disampaikan sepenuhnya dalam bahasa lain. Oleh itu, beliau mencadangkan bahawa kata-kata al-Qur'an tertentu perlu diterjemahkan melalui tafsiran yang jelas, manakala ayat *mutasyabihat* pula harus mengekalkan lafaz asalnya bagi memastikan ketepatan makna (Atik, 2016). Pendekatan ini membuktikan kepekaan Elmalılı terhadap keunikan bahasa al-Qur'an dan kepentingan untuk menyeimbangkan antara penterjemahan literal dan penjelasan tafsir dalam memastikan mesej wahyu disampaikan dengan jelas dan tepat.

Bagi Elmalılı penterjemahan al-Qur'an tidak seharusnya diterjemahkan secara literal (terjemahan perkataan kepada perkataan) tetapi seharusnya diterjemahkan dengan menggunakan kaedah *tanzīr* (terjemahan makna kepada makna), supaya terjemahan yang dilakukan adalah setara (Yazır, 1971), bahkan kaedah *tanzīr* adalah lebih mudah untuk dilakukan berbanding menterjemahkannya perkataan demi perkataan (Yazır, 1971). Oleh itu, antara corak penterjemahan yang dilakukan oleh beliau dalam kitab mukadimahnyanya adalah beliau mengekalkan istilah Bahasa Arab tersebut dan menuliskannya ke dalam bahasa Turki, dan ini dinyatakan beliau dalam dua perkara. Pertama adalah, beliau tidak menterjemahkan kalimah bahasa Arab tersebut ke dalam bahasa Turki kerana makna kalimah tersebut telah diketahui oleh masyarakat Turki, contohnya dalam menjelaskan kalimah 'حمد' beliau mengekalkan kepada 'hamde', 'رحمة' kepada 'rahme' dan 'هداية' kepada 'hidayet'. Kedua, beliau menyatakan bahawa, walaupun kalimah tersebut mungkin tidak diketahui maknanya oleh masyarakat Turki, tetapi beliau lebih memilih untuk mengekalkannya ke dalam Bahasa Arab, contohnya dalam "...Dalam beberapa tempat saya lebih suka 'Sema' (السماء) untuk (menjelaskan kalimah) 'Langit'. Selalunya saya berkata 'Gökler ve Yer' (Bagi menjelaskan kalimah Langit dan bumi), tetapi kadang-kadang saya suka mengatakan 'Semâvât-ü Arz' (السموات والأرض)". Selain itu, pada sebahagian tempat walaupun kalimah bahasa Arabi tu diketahui maknanya oleh masyarakat Turki, tetapi beliau memilih untuk menterjemahkannya, seperti dalam menjelaskan kalimah 'الظلمة', beliau boleh mengekalkan kalimah tersebut kepada 'zulme', tetapi beliau memilih untuk menterjemahkannya kepada 'karanlık' (kegelapan) (Yazır, 1971).

Antara keunikan lain yang beliau gunakan dalam menterjemahkan al-Qur'an adalah seperti berikut:

- a) Menggabungkan Tafsir dan Terjemahan
Elmalılı tidak sekadar menterjemahkan teks al-Qur'an secara literal tetapi turut memanfaatkan tafsir untuk menjelaskan konteks *siyak-sibak* (merujuk kepada kesinambungan ayat sebelum), sebab nuzul, dan makna mendalam tanpa menggunakan tanda kurungan atau nota kaki (Karsli, 2015).
- b) Menekankan Keindahan Bahasa dan Nilai Estetika
Elmalılı menitikberatkan keindahan bahasa dengan memilih perkataan yang bukan sahaja tepat dari segi makna tetapi juga mengekalkan keunikan dan irama wahyu (Atik, 2022), juga menggunakan bahasa percakapan yang menggambarkan emosi dan suasana kehidupan seharian, contohnya dalam kisah-kisah seperti Nabi Yusuf dan Nabi Musa (Karsli, 2015).
- c) Pendekatan Berdasarkan Gaya *Makkiyah* dan *Madaniyah*
Elmalılı membezakan pendekatan antara ayat *Makkiyah* dan *Madaniyah*. Ayat *Makkiyah* diterjemahkan dalam gaya *naẓam* (puitis) untuk mengekalkan keajaiban (*i'jaz*) dan keindahan bahasa al-Qur'an. Ayat *Madaniyah* pula diterjemahkan dalam gaya nesir (prosa) yang lebih formal dan ilmiah sesuai dengan konteks hukum dan akidah (Atik, 2022).

Selain itu, corak penterjemahan yang beliau gunakan adalah sebagai salah satu usaha untuk memastikan terjemahan yang beliau berikan adalah tidak menyimpang daripada maksud asal tersebut. Oleh sebab itu, sebahagian tempat beliau mengekalkan terjemahan ke dalam Bahasa Arab atau menggunakan Bahasa Parsi dengan ditulis dalam penulisan gaya bahasa Turki. Dan sekiranya beliau tidak dapat menemukan penterjemahan yang sesuai ke dalam mana-mana bahasa, atau membawa maksud yang berbeza daripada terjemahan, beliau akan meminta pembaca untuk merujuk kepada tafsir dan takwil yang diberikan. Oleh sebab itu, Elmalılı menjelaskan bahawa untuk menterjemahkan al-Qur'an tidak mencukupi dengan hanya mengetahui kaedah-kaedah nahu dan mempunyai ketinggian ilmu dalam bahasa semata-mata, tetapi kemahiran di dalam ilmu tafsir dan takwil juga sangat diperlukan (Yilmaz, 2008; Maşali, 2012). Di awal penjelasan beliau kepada corak penterjemahan yang beliau gunakan ini juga, beliau menyatakan bahawa tugas terjemahan ini tidak mudah, dan merupakan satu tugas yang sangat berat. Bahkan bagi beliau sebaik mana pun terjemahan tersebut ianya tetap tidak dapat menggambarkan kehalusan dan keindahan ayat al-Qur'an (Yazır, 1971).

Rujukan Utama dalam Penterjemahan al-Qur'an di Turki

Elmalılı memainkan peranan penting sebagai rujukan utama dalam penterjemahan al-Qur'an di Turki melalui karyanya, *Hak Dini Kur'an Dili*, yang diiktiraf sebagai karya tafsir dan terjemahan yang berautoriti. Walaupun lebih 200 terjemahan al-Qur'an telah dihasilkan di Turki, kebanyakan terjemahan tersebut sering kali bergantung kepada karya *Elmalılı* sebagai asas rujukan, mencerminkan kedudukannya yang unggul dalam dunia penterjemahan dan tafsir. Ini dinyatakan oleh Mustafa Öztürk (2011), bahawa:

“Di Turki, sehingga 200 terjemahan al-Qur'an yang berasingan telah dihasilkan; namun kuantiti ini tidak semestinya mencerminkan kualiti. Secara terus terang, dari segi kebolehpercayaan ilmiah atau ketepatan makna, terjemahan oleh Elmalılı Hamdi Yazır dan Hasan Basri Çantay masih tiada tandingannya sehingga kini. Walaupun terdapat terjemahan berkualiti tinggi yang dihasilkan kebelakangan ini, kebanyakan terjemahan sedia ada dihasilkan dengan menyalin atau menyesuaikan daripada terjemahan terdahulu, khususnya karya Elmalılı dan Çantay, yang akhirnya dianggap sebagai milik umum masyarakat.”

Keunikan karya Elmalılı terletak pada pendekatannya yang seimbang antara penggunaan bahasa puitis yang mengekalkan estetika wahyu dan gaya akademik yang teliti dalam topik ilmiah dan hukum. Karya ini dianggap relevan kerana menggabungkan prinsip *Ahl al-Sunnah* dengan keperluan masyarakat moden yang menghadapi arus sekularisasi. Tafsir ini turut menjawab cabaran intelektual yang timbul ketika era peralihan politik dan sosial Turki, menjadikannya sebagai rujukan ilmiah yang masih dirujuk oleh para sarjana hingga kini (Eith, 2015; Albayrak 1993; Albayrak, 2004; Öztürk, 2011). Pengiktirafan terhadap karya Elmalılı juga disokong oleh modal simbolik beliau sebagai seorang mufassir terkemuka yang dihormati bukan sahaja kerana keilmuannya, tetapi juga kredibiliti sosial dan reputasi tinggi dalam kalangan masyarakat. Konsep ini, seperti yang diuraikan oleh Pierre Bourdieu, menjadikan penterjemah seperti Elmalılı bukan sekadar perantara bahasa, tetapi sebagai pembentuk makna yang mempengaruhi penerimaan tafsir dan terjemahan dalam Masyarakat (Külünk, 2023). Kedudukan Elmalılı sebagai rujukan utama turut diperkuatkan dengan pengaruh karya ini dalam membentuk rangka kerja penterjemahan al-Qur'an di Turki yang lebih sistematik dan berkualiti.

Bahkan Hasan Basri, seorang mufassir era moden yang dikenali dengan karya beliau sebagai ringkasan kepada tafsir *Hak Dini*, menjelaskan bahawa seharusnya karya tafsir ini diterima sebagai sebuah karya agung dan sebagai “*Erkan-ı Harbiye Haritası* (Peta Perintah Tentera)” yang tertinggi dalam bidang tafsir (Çantay, 1981). Ini kerana, tafsir ini telah menyediakan rujukan kepada mufassir seterusnya dalam mentafsirkan al-Qur'an, malahan untuk melihat perkembangan ciri-ciri tafsir moden di Turki harus dimulakan dengan mengkaji tafsir *Hak Dini* (Özel, 2011). Hakikat ini membuktikan bahawa karya *Elmalılı* bukan sahaja memenuhi keperluan masyarakat

ketika ia dihasilkan, tetapi juga menyediakan asas metodologi kepada tafsir moden di Turki. Kesimpulannya, *Hak Dini Kur'an Dili* oleh Elmalılı terus diangkat sebagai rujukan utama dalam penterjemahan al-Qur'an di Turki. Peranan beliau sebagai mufassir yang berwibawa dan berpengaruh memperkukuhkan status karya ini sebagai model utama yang menjadi asas kepada pembangunan tafsir dan meal dalam bahasa Turki. Ia juga mencerminkan usaha beliau dalam mengharmonikan antara tradisi dan pemodenan, menjadikannya panduan penting yang relevan untuk generasi seterusnya.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bagi menangani kekaburan dalam pemahaman istilah *meâl* serta kekurangan penilaian terhadap peranan Elmalılı dalam membentuk pendekatan penterjemahan al-Qur'an yang tersendiri di Turki. Berdasarkan dua objektif utama, iaitu menganalisis konsep *meâl* dalam wacana terjemahan al-Qur'an di Turki dan menilai sumbangan Elmalılı melalui karya *Hak Dini Kur'an Dili*, kajian ini menggunakan pendekatan historiografi dan analisis kandungan kualitatif yang meneliti mukadimah tafsir serta perkembangan semantik istilah *meâl* dalam konteks sosial-politik Republik. Hasil kajian menunjukkan bahawa *meâl* bukan sekadar merujuk kepada pemindahan bahasa, tetapi mencerminkan pendekatan yang unik dan dinamik dalam menyampaikan makna wahyu, berbeza daripada *tercüme* (terjemahan) yang bersifat literal. Elmalılı memainkan peranan penting dalam mempopularkan istilah ini dan membentuk kerangka metodologi penterjemahan al-Qur'an yang sistematik serta berwibawa. Karya beliau bukan sahaja memenuhi tuntutan zaman yang menginginkan pemahaman wahyu dalam bahasa tempatan, tetapi turut memberi kesan besar terhadap pembentukan wacana tafsir dan terjemahan di Turki hingga ke hari ini. Sumbangan kajian ini memperkukuh kefahaman tentang kedudukan Elmalılı sebagai ilmuwan berautoriti dan memperlihatkan keunikan pendekatan linguistik dan metodologi beliau yang masih dijadikan rujukan utama. Justeru, kajian lanjutan disarankan untuk membandingkan pendekatan Elmalılı dengan mufassir lain, khususnya dari dunia Asia Tenggara, bagi memperkaya wacana penterjemahan dan pentafsiran al-Qur'an dalam konteks global.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah mendapat tajaan Geran Khas Penyelidikan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya di bawah kod projek UMG016L-2024.

SUMBANGAN PENGARANG

Norain Azlan merupakan penyumbang utama dalam penulisan artikel ini, merangkumi kajian literatur, penterjemahan teks, analisis data, dan penyediaan draf akhir. Sedek Ariffin bertanggungjawab dalam menyemak kandungan akademik, memberi pandangan kritikal, serta mencadangkan penambahbaikan struktur hujahan. Manakala Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff turut menyumbang idea penulisan dan memberi panduan terhadap fokus kajian dalam konteks wacana tafsir dan penterjemahan al-Qur'an.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperolehi daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis, atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

- Altuntaş, H. (2006). *Kur'an'ın Tercümesi ve Tercüme ile Namaz Meselesi*. Türkiye Diyanet Vakfı Yayınları.
- Albayrak, H. (1993). Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır'ın Tefsir Anlayışı. *Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır Sempozyumu* (hlm. 155–174). Türkiye Diyanet Vakfı.
- Anık, Z. (2019). Elmalılı Hamdi Yazır'ın Tefsirinde Kevnî Âyetlerin Yorumlanması. (Unpublished Master's Thesis). University Süleyman Demirel.
- Atik, N. (2016). The Editorial critique of the introduction of Elmalılı's commentary of the 'Hak Dini Kur'an Dili'. *İlahiyat Araştırmaları Dergisi*, (6), 99–131.
- Atik, M. (2022). *Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır Hayatı, Eserleri Ve Divançesi (İnceleme-Metin)*. (Unpublished Doctoral Thesis). University of Ankara.
- Arslan, N. (1997). Atatürk'ün Söylev ve Demeçleri. Ed. 5. Türk Tarih Kurumu.
- Ardıç, N. (2012). *Islam and the Politics of Secularism. Islam and the Politics of Secularism: The Caliphate and Middle Eastern Modernization in The Early 20th Century*. Routledge Taylor & Francis.
- Atalay, O. (2007). Kur'an'ın Başka Dillere Çevrilmesi Ekseninde Ortaya Çıkan Tartışmaların Tarihsel Arka Planı. Dlm. (Ed). *Kur'an Mealleri Sempozyumu – Eleştiriler ve Öneriler* hlm. 34. Diyanet İşleri Başkanlığı Yay.
- Aydar, H. (2007). The issue of 'The Prayer in Mother Tongue' in Turks-Republican period. *İstanbul Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi*, 15, 71–106.
- Aydar, H. (2012). Cumhuriyet dönemi tefsir çevirileri, *Türkiye Araştırmaları Literatür Dergisi (TALİD)*, 10, 165–229.
- Berg, B.L. & Lune, H. (2012). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*. 8th Edition, Pearson, Upper Saddle River.
- Bilgin, M. (2015). Hak Dini Kur'an Dili. *TDV İslâm Ansiklopedisi* <https://islamansiklopedisi.org.tr/hak-dini-kuran-dili> [diakses pada 24 Januari 2024].
- Bilmen, O.N. (1974). *Büyük Tefsir Tarihi – Tabaqât al-Mufasssirin*. Jil. 2. Bilmen Yayınevi.
- Can, M.Z. (2015). Erken Cumhuriyet Dönemi Kur'an Çevirilerinin Çeviribilimsel Açidan İncelenmesi (An Investigation With A Translational Science Approach About The Quran Translations in the Early Republican Period). *Uluslararası Hakemli Sosyal Bilimler E-Dergisi Mayıs – Ha*, (49): 461–474.
- Çantay, H.B. (1981). *Tefsirli Kur'an Mealî; Kur'an-ı Hakîm ve Meal-i Kerim*. Elif Ofset.
- Cündioğlu, D. (1996). Matbu Türkçe Kur'an Çevirileri ve Kur'an Çevirilerinde Yöntem Sorunu: Bir Giriş Denemesi. 2. *Kur'an Sempozyumu* (hlm. 157–237). Bilgi Vakfı Yayınları.
- Cündioğlu, D. (1998). *Türkçe Kur'an ve Cumhuriyet ideolojisi*. Kitabevi.
- Eith, K. (2015). The “meâl” Trend: The Rising Popularity of Qur'an Translations in Turkey in the 1990s and the Reactions of Turkish Academic Theologians. *Journal of Qur'anic Studies*, 17(3), 183–195.
- Elmalılı, M. H.Y. (1971). *Hak Dini Kur'an Dili (Mukaddime)*. Eser Neşriyat.
- Ersöz, R. (2019). The Influence of classical Islamic modernism on the Qur'an comments: The example of Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır. *Amasya İlahiyat Dergisi* 13(13), 259–295.
- Giritli, İ. (2019). Kemalism as an ideology of modernization. Dlm. Jacob M Landau (pnyt). *Ataturk and the Modernization of Turkey* (hlm. 392–402). Routledge Studies.
- Gökkır, B. (2012). The Role of state policies in modern Qur'anic exegesis in Turkey: Case of Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır (1878-1942) and his exegesis. *Acta Asiatica Varsoviensia*, 25, 133–146.
- Güllüce, V. (2012). Elmalılı M. Hamdi Yazır'ın Kevni Ayetlere Yaklaşımı ve Bilimsel Tefsirdeki Yeri. *Elmalılı M. Hamdi Yazır Sempozyumu*, 71–89.
- Gunasti, S. (2011). Approaches to Islam in the Thought of Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır (1878-1942). (Unpublished Doctoral Dissertation). University Princeton.
- Güven, M. (2015). The Opinions Elmalılı Muhammad Hamdi Yazır about Islamic modernism and in this context the criticisms directed to the Muhammad Abduh – At the example of Sûra el-Fil-. *Ekev Akademi Dergisi*, 19(61), 141–170.
- Haris, A.H. & Othman, M.R. (2011). Kemal Atatürk dan pembaharuan di Turki: Polemik dalam akhbar dan majalah pada tahun 1920-an dan 1930-an. *Jurnal Sejarah*, 19(19), 105–113.
- Hidayet Aydar. (2012). Türklerde Kur'an Çalışmaları. *İstanbul Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi* (1). 161–235.
- İsmail Albayrak. (2004). Turkish Exegeses of the Twentieth Century: Hak Dini Kur'an Dili. *Islamic Studies*, 43(3), 391–413.
- İsmet Ersöz. (1993). Elmalılı Hamdi Yazır Ve Tefsirinin Özellikleri. *Elmalılı M. Hamdi Yazır Sempozyumu* (hlm. 169–177). Türkiye Diyanet Vakfı Yayınları.
- Işık, B. (2021). Interpretation of Prohibition Verses in Elmalılı Hamdi Yazır and Sayyid Qutb's Commentaries: An Analytical Study. University of Marmara.
- J. M. S. Baljon. (1968). *Modern Muslim Koran Interpretation (1880-1960)*. E. J. Brill.

- Karsli, İ.H. (2015). Tefsiri (Anlam Merkezli) Tercüme açısından M. Hamdi Yazır'ın Meâl Tarzı. *Elmalılı Hamdi Yazır Sempozyumu* (hlm. 39–69). Diyanet Vakfı Yayınları.
- Koçyiğit, H. (2017). Günümüz Türkçe Kur'an Meâlleri Üzerine Bir Tasnif Denemesi. *Aralık*, (37), 79–121.
- Köksal, A.C. (n.d.). *Elmalılı M. Hamdi Yazır*. İlke Yayıncılık.
- Köksal, A.C. & Kaya, M. (2011). *Meşrutiyetten Cumhuriyete Makaleler; Din, Felsefe, Siyaset, Hukuk*. Edisi ke-3. İslam Medeniyeti Araştırmaları.
- Köksal, A.C. (2017). *Elmalılı M. Hamdi Yazır*. (H. Türkan, Ed.). İlke Yayıncılık.
- Lundy, K.S. (2008). Historical Research. *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods* <https://methods.sagepub.com/ency/edvol/sage-encyc-qualitative-research-methods/chpt/historical-research>.
- Maşali, M.E. (2012). Osmanlı'dan Günümüze Kur'an İlimleri/Tefsir Usulü Çalışmaları. *Türkiye Araştırmaları Literatür Dergisi*, 10(19–20), 109–163.
- Millet Meclisi, T.B. (1925). *TBMM Zabut Ceridesi*. Dönem II, Yıl 5, Jil. XIV. Matba'a-i Amire.
- Mursyid, A.Y. (2020). Deturkifikasi dalam Tafsir Hak Dini Kur'an Dili karya Elmalılı Hamdi Yazır. *Studi Ilmu-Ilmu al-Quran dan Hadis*, 21(1), 111–132.
- Md. Yunus, M. (2021). Pengaruh Turki terhadap sosio-budaya Dunia Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 32(1), 49–68.
- Okumuş, M. (2015). Elmalılı Hamdi Yazır's understanding of scientific exegesis. *Diyanet İlmî Dergi*, 51(3), 79–104.
- Okumuş, M. (2017). Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır'ın Hayatı, İlmi Kisiği ve Eserleri. Dlm. Mustafa Kaya (pnýt). *Bir Kur'an Mütefekkeri Elmalılı M. Hamdi Yazır* (hlm. 7–32). T.C. Diyanet İşleri Başkanlığı.
- Özel, A.M. (2012). Three Terms in Elmalılı M. Hamdi Yazır in the context of the intellectual challenges of the West: Intellect, knowledge, philosophy. Dlm. Ahmet Ögke & Rıfat Atay (pnýt). *Elmalılı M. Hamdi Yazır Sempozyumu* (hlm. 443–465). Türkiye Diyanet Vakfı Yayınları.
- Öztürk, K. (1993). *Türk Parlamento Tarihi: TBMM – II Dönem*, 1923-1927. Ankara.
- Öztürk, M. (2012). Cumhuriyet Dönemi Telif Tefsirler (Tafsir Works in the Republican Period). *Türkiye Araştırmaları Literatür Dergisi (TALİD)*, 10(19), 9–59.
- Öztürk, M. (2011). *Meal Kültürümüz*. Ankara Okulu Yayınları.
- Öztürk, M. (2019). Me-âl. *TDV İslâm Ansiklopedisi*. TDV İslâm Araştırmaları Merkezi.
- Özel, R.O. (2011). Elmalılı Hamdi Yazır'ın bilimsel tefsir anlayışı (Elmalılı Hamdi Yazır's understanding of scientific tafsir). *Osmanlı Toplumunda Kur'an Kültürü Ve Tefsir Çalışmaları* (hlm. 549–571). İlim Yayma Vakfı Yayınları.
- Al-Qazwîni, A.F. (1979). *Mu'jam Maqayis Al-Lughab*. ed. 2. Dar al-Jil.
- Sabri, M. (1993). *Kur'an Tercümesi Meselesi*. (Süleyman Çelik (Ed.). Bedir Yayınevi.
- Simsek, H. (2018). The Missing link in the history of Quranic commentary: The Ottoman period and the Quranic commentary of Ebussuud/Abu al- Su'ud al-'Imadi (d. 1574 CE) Irshad al-'Aql al-Salim ila Mazaya al-Kitab al-Karîm. (Unpublished Doctoral Thesis). University of Toronto.
- Şimşek, H. (2019). Turks and their translations/commentaries on the Qur'an: An historical and bibliographical survey. *Kilis 7 December University Journal of Theology*, 11(11), 371–394.
- Yalçın, R. (2019). Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır'ın "Hak Dini Kur'an Dili" Tefsirindeki Bazı Kevni Âyetlerin Yorumları (Unpublished Master's Thesis). Universiti Tokat Gaziosmanpaşa.
- Yazır, E. M. H. (1971). *Hak Dini Kur'an Dili (Mukaddime)*. Jil. 1. Eser Neşriyat.
- Yıldırım, S. (2023). Elmalılı Hamdi Yazır ve Tefsiri. *Eski Eserler Kütüphanesi*. <https://www.eskieserler.com/Eski/Eserler/Makale/218/Elmalili-Hamdi-Yazir-ve-Tefsiri.asp>. [Diakses pada 24 Mei 2024]
- Yılmaz, H. (2008). With in The Context of Elmalılı and Cantay's Forewords About Translation Phenomenon and 'Qur'an's Translations. *Atatürk Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi*, 30, 93–118.
- Üstün Külünk, S. (2023). When particular contexts create their concepts: The evolution of meal as a canonical translational term for Qur'an translations in Türkiye. *Journal of Translation Studies*, 18, 149–165.
- Vakkasoglu, V. (1987). *Osmanlıdan Cumhuriyete İslâm Âlimleri*. Cihan Yayınları.
- Wilson, M.B. (2009). The first translations of the Qur'an in modern Turkey (1924-38). *International Journal of Middle East Studies*, 41(3), 419–435.
- Wilson, M.B. (2009). *The Qur'an After Babel: Translating and Printing the Qur'an in Late Ottoman and Modern Turkey*. (Unpublished Dissertation). Duke University.
- Yavuz, Y.S. (1995). Elmalılı Muhammed Hamdi. *TDV İslâm Ansiklopedisi*. TDV İslâm Araştırmaları Merkezi.
- Zainal, N.A. (2016). Analisis tentang dekemalisasi di Turki pasca Atatürk. *Jurnal Politik Profetik*, 04(1): 14–36.
- Zeynûlâbidin, E.A., Edib H,E. & Akif. M. (1925). Yeni Bir Heyet-i İlmîye. *Sebilürreşad (Sırat-ı Müstakim)*, 249–251.